

## KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera  
28 November 2019

### **ASNB UMUM PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.25 SEN SEUNIT BAGI ASN IMBANG 1**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga berubah, ASN Imbang (Aset Campuran) 1 (ASN Imbang 1) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2019.
- Dana tersebut, yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 3 Imbang, mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM55.53 juta. Jumlah pembayaran ini akan memberi manfaat kepada lebih 46,600 pemegang unit dengan lebih 1.31 bilion unit.
- Urus niaga telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 29 November 2019 hingga 1 Disember 2019 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB, [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau aplikasi myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula 2 Disember 2019.

**Kuala Lumpur, 28 November 2019:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dana harga berubah, ASN Imbang (Aset Campuran) 1 (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 3 Imbang), bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2019.

Dana tersebut mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit, dengan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM55.53 juta. Ini adalah hasil dividen sebanyak 4.51% berdasarkan nilai aset bersih (NAB) dana pada 27 November 2019. Jumlah pembayaran ini akan turut memberi manfaat kepada lebih 46,600 pemegang unit yang memegang lebih 1.31 bilion unit. Setakat 31 Oktober 2019, ASN Imbang 1 mencatatkan pendapatan bersih ternyata sebanyak RM55.87 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Pasaran ekuiti domestik terus terjejas oleh ketidaktentuan yang meningkat berikutan perkembangan di beberapa bidang, dalam persekitaran antarabangsa dan domestik. Setakat 20 November 2019, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan pulangan tahunan pada kadar -5.3% berbanding -5.9% bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Justeru, prestasi dana unit amanah ASNB akan turut dipengaruhi oleh perkembangan yang tidak dapat dielakkan ini.

“Walaupun ekonomi global yang mencabar dijangka berterusan, PNB kekal komited dalam melaksanakan objektif pelaburan untuk menjana pulangan yang berpatutan menerusi portfolio pelaburan seimbang dan kepelbagaian pelaburan.”

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Imbang 1 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan NAB setakat 30 November 2019. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun mereka pada 1 Disember 2019.

Semua urusan niaga ASN Imbang 1 telah ditangguhkan buat sementara waktu mulai 29 November 2019 hingga 1 Disember 2019 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB, [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau aplikasi myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB seluruh negara apabila urusan niaga beroperasi semula pada 2 Disember 2019.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**